From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SINERGI STRATEGIK INASIS SIME DARBY DAN YAYASAN SIME DARBY PERKASA POTENSI PELAJAR
Date: Sunday, 20 September, 2026 4:52:39 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Khairil Azfar Ahmad Zubir
Gambar oleh: Ihsan Inasis Sime Darby

SINERGI STRATEGIK INASIS SIME DARBY DAN YAYASAN SIME DARBY PERKASA POTENSI PELAJAR



UUM ONLINE: Inapan Siswa (Inasis) Sime Darby telah mengadakan sesi perbincangan dua hala bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Yayasan Sime Darby (YSD) dan delegasi di EDC-UUM, baru-baru ini.

Sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Pengetua Inasis Sime Darby, Khairil Azfar Ahmad Zubir tersebut bertujuan membuka ruang pertukaran pandangan serta meneroka potensi kerjasama strategik antara Inasis Sime Darby dan YSD, khususnya dalam aspek pembangunan pelajar dan pengukuhan hubungan antara kedua-dua pihak.

Dalam sesi berkenaan, Presiden Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Inasis Sime Darby, Murnisha Murugaiah turut diberikan peluang untuk membentangkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang sesi 2025/2026.



Pembentangan tersebut mengetengahkan penglibatan pelajar dalam pelbagai inisiatif yang merangkumi pembangunan kepimpinan, kesukarelawanan, akademik, kemahiran insaniah serta aktiviti kemasyarakatan.

Selain itu, perbincangan bersama CEO YSD, Dr. Hajah Yatela Zainal Abidin turut memberi tumpuan kepada peluang kerjasama antara Inasis Sime Darby dan YSD pada masa akan datang.

Kerjasama yang berpotensi ini dilihat mampu memberikan nilai tambah kepada pembangunan bakat serta pengalaman pelajar, di samping memperkukuhkan hubungan strategik antara UUM dan YSD.

Agenda turut menyentuh aspek penjenamaan Inasis Sime Darby, khususnya dalam usaha memperkukuh identiti, imej dan keterlihatan Inasis sebagai sebuah kolej kediaman yang aktif dalam pembangunan pelajar.



Susulan perbincangan tersebut, pihak YSD bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut di peringkat dalaman bagi meneliti cadangan dan peluang kerjasama yang telah dibincangkan.

Sesi perbincangan turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Muzamil in Mahmud; Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD), Prof. Madya Dr. Zainudin Omar serta Mohd Sukri Othman.

Pertemuan ini diharapkan dapat menjadi langkah awal kepada pembentukan kerjasama yang lebih kukuh antara Inasis Sime Darby, UUM dan YSD memberi manfaat kepada warga Inasis Sime Darby.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in

this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.